

MINIT MESYUARAT
PENYELARASAN PENGANJURAN MITI DAY 2025

Tarikh : 13 Ogos 2025 (Rabu)
Masa : 10.00 hingga 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat APEC, Aras 13, Menara MITI
Pengerusi : Encik Azmir Musyabri Abdul Mutallib
Pengarah AKI, Seranta & Saham
Kehadiran : Senarai kehadiran seperti di **Lampiran A**

1. UCAPAN ALUAN PENERUSI

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran dan merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran semua wakil dari MITI dan Agensi.

Makluman

- 1.2 Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:
- 1.2.1 Pengerusi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan Program MADANI Rakyat (PMR) di Tawau, Sabah dan Lumut, Perak serta Program Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 di Pulau Pinang;
 - 1.2.2 Pengerusi memaklumkan bahawa penyertaan MITI dan Agensi dalam PMR 2025 seterusnya adalah tertakluk kepada keputusan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dan Kementerian Peneraju;
 - 1.2.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada 7 hingga 9 Ogos 2025 yang lalu, Pihak SIRIM telah terlibat bagi mewakili MITI dalam PMR Kelantan 2025. Pengerusi

merakamkan penghargaan dan terima kasih atas komitmen yang diberikan oleh Pihak SIRIM dalam menjayakan program tersebut;

1.2.4 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan teguran daripada KSU berhubung pelaksanaan program yang kurang mendapat sambutan orang ramai, di mana bilangan kerusi melebihi jumlah pengunjung. Sehubungan itu, Agensi dan MITI diingatkan untuk mengambil langkah sewajarnya bagi mengelakkan perkara tersebut daripada berulang;

1.2.5 Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak MIDA telah menghubungi beliau berhubung cadangan penganjuran program pada penghujung bulan Oktober ini. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dapat dipenuhi memandangkan terdapat pelbagai program lain pada bulan tersebut seperti Malam Gala ASEAN dan Mesyuarat Peringkat Menteri yang turut melibatkan MITI serta kementerian-kementerian lain;

1.2.6 Pengerusi memaklumkan bahawa bagi Program MITI Day 2025, Bahagian AKI, Seranta dan Saham telah menerima cadangan daripada syarikat swasta iaitu BSB Generation Sdn. Bhd. untuk merancang dan melaksanakan program MITI Day 2025 secara kerjasama strategik; dan

1.2.7 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pengisian serta pelaksanaan MITI Day 2025 bagi memastikan program berjalan dengan lancar.

Makluman

2. PENGANJURAN MITI DAY 2025

2.1 Mesyuarat mengambil maklum pembentangan mesyuarat penyelarasan penganjuran MITI Day 2025 yang disampaikan oleh Pengerusi seperti berikut:

2.1.1 Program MITI Day 2025 dicadangkan pada **7 hingga 8 November 2025 (Jumaat - Sabtu)** bermula 8.00 pagi sehingga 6.00 petang selama dua (2) hari di Menara MITI, Kuala Lumpur;

2.1.2 Penganjuran Program MITI Day 2025 akan dilaksanakan selama dua (2) hari bagi memastikan pulangan pelaburan (*Return on Investment*, ROI) yang lebih baik dapat dihasilkan berbanding penganjuran sehari dimana akan melibatkan kos perbelanjaan yang lebih tinggi;

2.1.3 Mesyuarat mengambil maklum bagi pengisian Program Karnival Kerjaya ditugaskan bawah MIDA serta Program Malaysia Autoshow di bawah MARii. Selain itu, MATRADE juga akan melibatkan usahawan di bawah seliaannya untuk membuka reruai, manakala pengisian akademi dan industri akan diselaraskan oleh MPC dan NAICO;

2.1.4 Dicadangkan susun atur pelan lantai bagi MITI Day 2025 dan satu MITI Pavilion yang besar akan dibina di tengah Dewan Perdana MITI bagi menempatkan semua reruai agensi;

2.1.5 Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai penambahan pentas pada lokasi trak makanan dan MARii *Showcase* dengan jumlah keseluruhan sebanyak tiga (3) pentas;

- 2.1.6 Selain itu, terdapat satu program baru akan dibawa masuk iaitu podcast secara langsung (*Live*) selama dua jam yang bertajuk Keluar Sekejap, dimana YB Menteri akan dijemput menjadi tetamu jemputan;
- 2.1.7 Bidang tugas jawatankuasa kerja MITI Day 2025 adalah seperti di Lampiran;
- 2.1.8 Pengerusi memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kewangan mungkin akan dihapuskan kerana penganjuran Program MITI Day 2025 ini tidak akan melibatkan sebarang peruntukan daripada MITI dan syarikat tersebut sendiri yang akan mendapatkan tajaan bagi menjayakan program ini;
- 2.1.9 Mesyuarat menugaskan Unit Komunikasi Strategik (UKS) MITI untuk bekerjasama dengan syarikat BSB Generation Sdn. Bhd. dalam melaksanakan aktiviti promosi serta penyediaan kit, poster dan infografik bagi MITI Day 2025;
- 2.1.10 Pendaftaran MITI Day 2025 akan dilaksanakan seperti tahun sebelumnya, iaitu setiap peserta diberikan satu (1) kad yang perlu dilengkapi dengan cop di setiap stesen bagi melayakkan diri menyertai cabutan bertuah; dan
- 2.1.11 Pengerusi memaklumkan bahawa majlis perasmian MITI Day 2025 akan disempurnakan oleh YB Menteri sekiranya tiada sebarang perubahan.

Makluman

2.2 Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai cadangan pelaksanaan MITI Day 2025 daripada syarikat BSB Generation Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan oleh Pengerusi seperti berikut:

2.2.1 Tema MITI Day 2025 yang dicadangkan adalah '*Future Forward*'. Namun demikian, Pengerusi memaklumkan bahawa beliau turut terbuka untuk menerima cadangan lain sekiranya terdapat idea tema yang lebih sesuai;

2.2.2 Beberapa contoh kit dan *goodies* turut dicadangkan sebagai bahan promosi bagi MITI Day 2025. Antara item yang dicadangkan termasuk lanyard, baju, topi dan beg yang akan digunakan sebagai identiti acara serta medium promosi kepada para pengunjung. Senarai ini boleh ditambah atau disesuaikan mengikut bajet dan keperluan program;

2.2.3 Cadangan pengisian program dan zon pameran yang akan dibuka semasa MITI Day 2025 termasuklah:

- a. Pavilion dan Reruai Agensi MITI;
- b. Zon Jaringan Industri dan MSME;
- c. Perkongsian Ilmu dan Bengkel;
- d. Pameran Teknologi dan Inovasi;
- e. Pameran Produk 'Buatan Malaysia' dan Citarasa Malaysia;
- f. Karnival Kerjaya dan Kemahiran;
- g. Reruai Celik Kewangan;
- h. Pameran 'My MITI, My Malaysia';
- i. Reruai Perlindungan dan Kesedaran Pengguna;
- j. Zon Hidup Hijau dan Lestari;
- k. Sudut Inovasi Kanak-kanak;
- l. Fiesta Trak Makanan; dan
- m. Pasar Seni dan Kraftangan;

2.2.4 Bagi menarik lebih ramai pengunjung, beberapa selebriti serta pempengaruh tempatan telah dicadangkan untuk mempromosikan MITI Day 2025. Antara pempengaruh berbahasa Melayu yang dicadangkan ialah Fedtri Yahya, Uyaina Arshad, Fiza Sabjahan, Fara Fauzana, Johan dan Nazrudin Rahman. Bagi pempengaruh berbahasa Inggeris pula, antara yang dicadangkan ialah Arief Yong, Brenda Mak, Azaria Tagaya, Fifi dan Sazzy Falak. Sementara itu, bagi pempengaruh berbahasa Cina, antara yang dicadangkan ialah Chu Pin, Jane, Desmond Tey, Cheryl, Emerson Sean dan Hana Xinyi. Senarai ini merupakan cadangan awal dan boleh dipanjangkan atau disesuaikan mengikut keperluan serta kesesuaian program; dan

2.2.5 Syarikat turut mencadangkan beberapa pelan lantai yang merangkumi kawasan luar dan dalam MITI, termasuk Pavilion, reruai agensi, MARii *Showcase*, ruang modular bagi sesi temu duga kerjaya, Dewan Perdana MITI, kawasan lobi MITI, pentas mini serta pentas utama. Cadangan pelan lantai ini bertujuan memastikan susun atur ruang lebih teratur, mesra pengunjung serta memenuhi keperluan penganjuran MITI Day 2025 secara menyeluruh.

Makluman

3. PERBINCANGAN

3.1 Pengerusi mengarahkan semua agensi dan urus setia MITI yang terlibat untuk memberi cadangan pengisian program bagi MITI Day 2025 di dalam pautan yang disediakan.

Tindakan: Semua

3.2 Mesyuarat turut dimaklumkan oleh wakil MARii bahawa Program Malaysia *Autoshow* tidak dapat dilaksanakan

sewaktu MITI Day 2025 disebabkan kekurangan tenaga kerja berikutan pengansuran program di KLCC pada 12 hingga 14 November 2025.

Makluman

- 3.3 Pengerusi meminta agar pihak MARii memberi maklum balas secepat mungkin berkenaan pelaksanaan Program *Autoshow* Malaysia dan cadangan untuk meletakkan beberapa unit kenderaan sewaktu MITI Day 2025. Sekiranya, Program *Autoshow* Malaysia tidak dapat dilaksanakan, Pengerusi mencadangkan agar MARii menganjurkan pameran teknologi dan inovasi sebagai alternatif lain.

Tindakan: MARii

- 3.4 Pengerusi menugaskan pihak BPI untuk segera mendapatkan sekurang-kurangnya 10 syarikat yang boleh menawarkan jualan barangan pada harga kilang bagi membuka reruai sempena MITI Day 2025.

Tindakan: BPI

- 3.5 Mesyuarat menugaskan HDC sebagai Jawatankuasa Trak Makanan dan pengerusi menegaskan agar penglibatan trak makanan ini tidak menjejaskan kepentingan komuniti trak makanan yang sedia ada. Selain itu, HDC juga diminta untuk menjemput syarikat Nestlé untuk turut serta membuka trak makanan bagi MITI Day 2025.

Tindakan: HDC

- 3.6 Pengerusi turut memaklumkan bahawa bilangan trak makanan perlu dikurangkan kepada 15 buah berbanding 20 buah pada tahun lalu, berikutan penambahan pentas di kawasan tersebut. Selain itu, beliau menegaskan bahawa

pilihan trak makanan yang ditawarkan juga perlu seimbang serta tidak dimonopoli oleh satu jenis makanan sahaja.

Makluman

- 3.7 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan isu yang timbul sewaktu audit bersama Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR), dimana SPAR menegaskan untuk tidak menggunakan istilah 'Sumbangan' dalam surat permohonan hadiah cabutan bertuah dan mencadangkan penggunaan istilah 'Rakan Strategik' atau 'Perkongsian Kos' bagi mengelakkan sebarang isu;

Makluman

- 3.8 Semua sesi raptai dan latihan persembahan hendaklah dilaksanakan sebelum 7 November 2025 bagi memastikan kelancaran keseluruhan acara. Selain itu, aktiviti Fun Run sejauh 5KM turut dicadangkan pada 8 November 2025 di waktu pagi.

Makluman

- 3.9 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak syarikat akan menggunakan platform media sosial MITI dengan kerjasama UKS bagi mempromosikan MITI Day 2025 dan pihak Syarikat juga akan menyediakan skrip video promosi. Justeru, mesyuarat memohon agar Agensi dan Bahagian MITI memberi maklumat dan informasi berkaitan kepada syarikat bagi menghasilkan skrip video.

Makluman

- 3.10 Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat perubahan terhadap cadangan pelan lantai bagi modular temuduga kerjaya, di mana ruangan yang disediakan akan diperbesarkan bagi menampung keperluan syarikat serta calon yang akan ditemuduga. Sehubungan itu, Pihak MIDA boleh mengemukakan sebarang cadangan tambahan berhubung pelan lantai yang bersesuaian.

Tindakan: MIDA

- 3.11 Mesyuarat mencadangkan agar semua agensi yang memerlukan peruntukan bajet yang besar bagi MITI Day 2025 memaklumkan dengan kadar segera bagi tujuan perancangan dan kelulusan.

Tindakan: Semua

- 3.12 Mesyuarat mengambil maklum mengenai penggunaan kawasan parkir di bangunan MATRADE serta penyediaan perkhidmatan *buggy* untuk mengambil dan menghantar penumpang bagi memastikan kelancaran logistik sepanjang program berlangsung.

Makluman

- 3.13 Pengerusi menekankan agar semua pihak mengemukakan maklum balas selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu supaya tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan teratur dan mengikut jadual.

Tindakan: Semua

- 3.14 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Sekretariat Malaysia Ekspo Dunia 2025 Osaka Stelah mendapat penajaan daripada syarikat Grab dalam bentuk baucar fizikal dan digital bernilai RM10 setiap satu, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 100 keping. Baucar tersebut akan diberikan kepada pengunjung yang bertuah dan sah untuk digunakan sehingga Disember 2025.

Makluman

4. HAL- HAL LAIN

Tiada

5. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli dan menangguhkan mesyuarat pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:

Bahagian AKI, Seranta dan Saham
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PENYELARASAN PENGANJURAN MITI DAY 2025**

MITI

1. Encik Azmir Musyabri Abdul Mutallib (Pengerusi)
Pengarah
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
2. Puan Mulyati Afiza Mutalib
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
3. Puan Firdaus Abdul Jalal
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Industri
4. Encik Zamil Ariff Zahari
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
5. Puan Adnin Izzati Roslan
Pegawai Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
6. Aliff Syahiran bin Omar
Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
7. Cik Nur Ainsyatul Syahira Azmi @ Kaseh Azmi
Pegawai Eksekutif MySTEP
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
8. Encik Muhammad Haziq Zamri
Pegawai Tadbir
Sekretariat Malaysia Ekspo Dunia 2025 Osaka

9. Puan Azlinda Musa
Penolong Pegawai Tadbir (Tinggi)
Kerjasama Perdagangan dan Industri
10. Puan Mas Ayu Razali
Pembantu Tadbir
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
11. Encik Hamzah Samsudin
Pembantu Eksekutif MySTEP
Bahagian AKI, Seranta dan Saham

MIDA

1. Encik Zainal Abdul Rahman
Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
2. Puan Aziawati Ismail
Timbalan Pengarah
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
3. Encik Amirul Jamaludin
Penolong Pegawai Eksekutif Kanan
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

MATRADE

1. Encik Muhammad Amin Amirul Zaman
Pegawai Ekonomi
Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)

MPC

1. Puan Siti Zurinah Othman
Pengurus Kanan
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

2. Puan Athirah Ishak
Perangkawan
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

MIDF

1. Encik Kamaruzaman Omar
Pegawai Pemasaran
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)
2. Puan Nur Izzati
Pegawai Promosi
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

MARii

1. Encik Muhammad Zulhafizi Kamaruddin
Pegawai Khas
Bahagian Pembangunan Perniagaan
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)
2. Encik Muhammad Imran Hakim Shabudin
Pegawai Eksekutif
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)
3. Puan Qasdina Bussaina
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)

MSI

1. Puan Syakirah Ibrahim
Penolong Pengurus
Bahagian Perhubungan Industri
Malaysia Steel Institute (MSI)

SIRIM

1. Encik Tham Kok Lun
Pegawai Perunding
Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)
2. Encik Muhammad Rafiq Abdullah
Pembantu Tadbir Kanan
Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)

EXIM BANK

1. Encik Ronnee Osman
Pengurus Kanan
Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)

JSM

1. Encik Ahmad Razif Abd Rahim
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Standard Malaysia (JSM)
2. Puan Nabihah Mislan
Pegawai Penerangan
Jabatan Standard Malaysia (JSM)

HDC

1. Encik Mohd Zamri Hassan
Pengurus
Halal Development Corporation Berhad (HDC)

MRM

1. Encik Mohd Muhajir Mohd Jiwahir
Eksekutif Kanan
Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)

NAICO

1. Puan Noor Rulhuda Hashim
Penolong Pengurus
National Aerospace Industry Corporation (NAICO)

CREST

1. Encik Asyraf Saedon
Pengurus Strategi & Komunikasi
Collaborative Research in Engineering, Science & Technology
2. Encik Mohd Wardi Yusop
Pegawai Pasaran & Pembangunan Industri
Collaborative Research in Engineering, Science & Technology